

Biar pemusnah ekosistem rasa serik

JAS, PBT kena lebih tegas bertindak ke atas pemaju, pekilang ingkar



**Bersama
Rejal Arbee**

KERAKUSAN pelbagai pihak melakukan kegiatan yang mencemarakan alam sekitar dan memusnahkan perimbangan ekologi hingga membawa padah kepada penduduk persekitaran serta kesejahteraan hidup rakyat amnya tetap berterusan tanpa batasan atau pemantauan berkesan pihak berwajib walaupun pelbagai peraturan dan undang-undang diwujudkan.

Isnin lalu, kita memperingati Hari Alam Sekitar Sedunia tetapi malangnya kegiatan beberapa pihak tertentu yang mencemari alam sekitar terus berlaku kadangkalanya dengan pengetahuan pihak berwajib. Akibatnya perlakuan mereka itu merosakkan persekitaran hingga membawa padah kepada penduduk kawasan terbabit.

Terakhir ialah tragedi tanah runtuh di Kampung Pasir Tambahan, Hulu Klang, minggu lalu yang mengorbankan empat nyawa dan memusnahkan tidak kurang 43 rumah. Malah pergerakan tanah yang tidak stabil dikesan di kawasan itu sejak dua tahun dulu lagi tetapi pembangunan perumahan terus dibenarkan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) kononnya dengan beberapa syarat.

Walaupun syaratnya tidak begitu ketat, pemaju serta kontraktor yang membangunkan rumah di kawasan persekitarannya didapati tidak pula mematuhi syarat sepenuhnya. Yang membimbangkan MPAJ tidak pula melaksanakan tugas pemantauan dengan berkesan. Maka tidak menghairankan tragedi begini terus saja berlaku.

Malah sejak berlakunya runtuhan Highland Towers pada 1993 yang mengorbankan 48 nyawa, tiga lagi tanah runtuh berlaku di Athenaeum Tower (1999), Bukit Antarabangsa (2000) dan Taman Hillview (2002) di kawasan itu sebelum tragedi terakhir di Kampung Pasir Tambahan.

Setiap kali berlaku tanah runtuh, pihak terbabit menuding jari di antara satu sama lain. Demikian pula penyiasatan pun dilaksanakan. Tetapi apakah siyasatan demi siyasatan itu membawa kepada perubahan sikap di kalangan semua pihak terbabit, sama ada pihak berkuasa tempatan (PBT), pemaju atau kontraktor serta pihak berwajib yang sepatutnya memantau alam sekitar lebih-lebih lagi di kawasan tanah tinggi?

Malah Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo kesal dengan sikap Jabatan Alam Sekitar (JAS) yang begitu mudah meluluskan laporan penilaian kesan alam sekitar (EIA) bagi projek di kawasan tanah tinggi.

Kini beberapa kawasan sekitar juga didapati tidak selamat hingga memaksa penghuni 15 rumah di Taman Zooview dipindahkan.

Tetapi dalam pada itu diberitakan pula bahawa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) meluluskan pembinaan sebuah apartmen tujuh tingkat dan sebuah lagi 'town villa' enam tingkat di kawasan berdekatan di lereng Bukit Mas.

Nampaknya kerakusan untuk meraih keuntungan tidak mengenal batasan hingga pemaju dan kontraktor tidak menghiraukan bencana yang boleh berlaku akibat perbuatan mereka yang boleh memusnahkan alam sekitar.

Pembinaan rumah di tanah tinggi dan di lereng bukit masih dilaksanakan kerana ramai orang suka menghuni rumah di tanah tinggi kononnya kerana pemandangan cantik dan persekitaran yang nyaman dan menenangkan seperti dijaja pemaju.

Kejadian tanah runtuh disebabkan kelemahan dalam urusan pemeliharaan alam sekitar kali ini berlaku belum pun rakyat lupakan pencemaran berleluasa yang dilakukan hampir 7,000 buah kilang baik yang berlesen mahu pun yang haram kerana gagal melupuskan sisa berbahaya yang dihasilkan dari operasi mereka.

Penjelasan JAS Selangor mengenai kelemahan bertindak terhadap kilang-kilang, baik yang dilesen mahupun yang haram, yang mengeluarkan sisa yang mencemarakan alam sekitar agak mencemaskan.

Apa yang diterangkan pengarahnya, Che Asmah Ibrahim dalam satu wawancara yang disiarkan akhbar ini Jumaat lalu jelas menunjukkan betapa tidak cekapnya pihak berkuasa keseluruhannya (bukan saja JAS) menangani masalah ini yang semakin menjad.

Nampaknya lagi banyak pendedahan dibuat media lagi menjadi keadaannya. Agak menarik juga keluhan Che Asmah bahawa JAS saja yang dipersalahkan media bila berlaku pencemaran oleh kilang yang mengeluarkan sisa yang mencemarakan alam sekitar.

Sememangnya, pihak kilang yang melakukan pencemaran bukannya JAS. Tetapi JAS bertanggungjawab memastikan kilang tidak mencemarakan alam sekitar kita. Apa yang disuarakan ialah keadaannya sudah begitu teruk hingga menjejaskan

ekosistem di beberapa tempat hingga tidak terkawal lagi.

Malangnya kilang yang mencemarakan alam sekitar hingga boleh membahayakan kesihatan penduduk setempat mahu pun menjejaskan ekosistem negara hingga boleh memudaratkan hidupan flora dan fauna di masa akan datang dapat melakukan kegiatan haram mereka tanpa disekat. Inilah yang dipersoal dan disuarakan media.

Sebenarnya pemantauan dan tindakan yang lebih berkesan boleh dilakukan kiranya ada kerjasama erat di antara JAS dan PBT terbabit. Malangnya, kerjasama demikian ini tidak kelihatan. Setiap PBT tentunya mengetahui semua kilang berlesen yang beroperasi dalam kawasan masing-masing.

Demikian pula maklumat lengkap kegiatan kilang haram perlu diketahui setiap PBT sebagai usaha 'menghalalkan' mereka. Yang ingkar tidak mahu beroperasi secara sah hendaklah ditutupkan saja. Tidak guna dinyatakan mereka menyediakan sekian banyak peluang pekerjaan dan menjana pertumbuhan ekonomi. Yang haram tetap haram dan tidak perlu 'dihalalkan'. Tindakan tegas termasuk menutup kilang terbabit hendaklah dikenakan ke atas kilang yang ingkar.

Semua mengetahui pengusaha kilang terutama yang beroperasi secara haram adalah mata duitan. Cara terbaik untuk memastikan mereka patuhi peraturan dan undang-undang adalah melalui duit juga ia itu dengan mengenakan denda yang memeritikan supaya pengusahanya serik tidak lagi mahu menjadi pengusaha haram.

Tidak memadai lagi mereka dikenakan kompaun tidak seberapa kerana denda yang sedikit tidak mungkin boleh mencegah mereka melakukan pencemaran.

Che Asmah dalam temu bual itu mengeluh tidak dapat bertindak dengan berkesan kerana, walaupun mengetahui keadaan yang melanda Selangor khususnya kerana wujudnya pembangunan yang pesat dalam sebuah negeri yang sudah pun diisytiharkan sebagai negeri maju, JAS Selangor tidak mampu memantau dan menangani segala masalah pencemaran berasaskan kepada peruntukan perundangan yang ada serta kapasiti dan sumber yang ada padanya.

Kiranya kerajaan benar-benar serius mahu memulihara alam sekitar dan ekosistem yang sudah pun tercemar ia hendaklah menyediakan 'peluru' atau kelengkapan secukupnya supaya agensi-agensi yang memantau dapat bertindak secara berkesan supaya tidak akan berlaku lagi berbagai tragedi yang boleh dihalang.

Seperti dijelaskan ruang ini kerja-kerja pemantauan boleh dipermudahkan kiranya ada peruntukan memaksa setiap kilang memberikan rekod bulanan pengeluaran barangan buatan mereka serta sisa buangan baik yang toksik mahu pun yang tidak yang dihasilkan bagi setiap unit barangan yang dihasilkan. Kilang-kilang juga hendaklah disyaratkan memberi tahu bagaimana mereka lupuskan sisa-sisa buangan yang dihasilkan.

Dengan adanya maklumat begini tentunya JAS mahu pun PBT terbabit boleh memantau setiap kilang dengan lebih sistematik dan berkesan.

Martabatkan bahasa Melayu

MINGGU lalu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak menegur keghairahan syarikat swasta meletakkan syarat menguasai bahasa Mandarin untuk pengambilan pekerja baru mereka. Beliau mendesak syarikat demikian menghentikan amalan yang memberikan kelebihan yang tidak wajar kepada satu pihak.

Ruang ini telah beberapa kali menyesali adanya syarat tidak munasabah ini, pertama kalinya pada keluaran 1 Julai 2004 dan terakhir pada 15 Mac lalu tanpa mendapat perhatian. Agak menghairankan kenapa kedai runcit di pusat beli-belah pun misalnya mensyaratkan pekerjaanya menguasai bahasa Mandarin tetapi tidak bahasa Melayu.

Apakah mereka ini tidak mahu pelanggan Melayu? Kita boleh faham kalau kedai makan yang menyediakan makanan tidak halal tidak mahu mengambil pekerja Melayu/Islam, malah orang Islam sendiri tidak akan mahu bekerja di situ, tetapi apakah perlunya syarat menguasai bahasa Mandarin bagi kedai menjual barangan?

Jelas, mereka ini sebagaimana juga beberapa syarikat swasta lain semakin menjadi-jadi mengenakan syarat ini jika dilihat daripada iklan mereka dalam akhbar. Sebenarnya mereka tidak menghormati kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan negara ini.

Seperti juga ada beberapa anggota Kabinet yang berbahasa Mandarin kepada pemberita-pemberita akhbar Cina tanpa menjelaskan kembali apa yang dinyatakan itu dalam bahasa Inggeris atau bahasa Melayu supaya pemberita dari akhbar lain yang tidak memahami bahasa Mandarin yang hadir turut mengetahui apa yang dinyatakan menteri atau timbalan menteri itu.